

Jangan Bergantung Kepada Teknologi Luar, Kata Dr M Kepada Industri Kereta Tempatan
Bernama
7 Oktober, 2012

SEPANG, 7 Okt (Bernama) -- Pengeluar kereta tempatan tidak boleh terus bergantung kepada teknologi dan kejuruteraan luar tetapi harus berusaha mencipta teknologi baharu, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata antara bidang yang boleh diteroka ialah teknologi hijau dan mencipta enjin kuasa elektrik yang kini menjadi fokus pengeluar kereta dunia.

"Kebanyakan daripada kita cuma pasang sahaja, 'assemble' produk yang dibuat oleh orang lain dan kita guna teknologi yang datang daripada luar.

"Masa sudah tiba untuk kita sendiri memikir tentang teknologi baru, mencipta membuat ataupun mengusahakan untuk memasukkan teknologi ini dalam kereta supaya kita juga akan mempunyai 'intellectual property' yang dengan sendirinya boleh mengembangkan ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah Proton Green Mobility Challenge 2012 (PGMC), di sini.

PGMC yang dianjurkan bersama Proton, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Majlis Reka Bentuk Malaysia merupakan pertandingan mencipta enjin berkuasa elektrik untuk menambah baik kereta elektrik yang enjinnya kini dalam percubaan di negara ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700202>